

**HIKAYAT HANG TUAH**, oleh Kassim Ahmad. 1964. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Muka surat: 629. Nombor ISBN: 9836219668.

Hikayat Hang Tuah merupakan salah satu karya agung dalam tradisi kesusasteraan Melayu klasik. Edisi yang diselenggarakan oleh Kassim Ahmad dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1964 menjadi rujukan penting dalam kalangan pengkaji dan pelajar sastera Melayu. Teks ini disusun berdasarkan naskhah tulisan tangan berhuruf Jawi milik Tengku Ibrahim ibni almarhum Tengku Muhammad (Tengku Seri Utama Raja), seorang kerabat diraja Kelantan.

Sebagai sebuah epik, hikayat ini bukan sahaja mengisahkan kehidupan seorang pahlawan, malah menggambarkan struktur politik, sistem nilai dan pandangan hidup masyarakat Melayu pada zaman Kesultanan Melaka. Watak Hang Tuah dijadikan simbol kebesaran bangsa dan kedaulatan kerajaan Melayu.

Karya ini dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu Bahagian Perlawanan yang mempunyai 18 bab. Manakala Bahagian Pengembaraan mengandungi 10 bab. Pada Bahagian Perlawanan menekankan konflik, peperangan, serta ujian kesetiaan yang dihadapi oleh Hang Tuah. Episod yang paling terkenal ialah pertentangan antara Hang Tuah dan Hang Jebat, yang mengangkat persoalan falsafah tentang kesetiaan kepada raja berbanding keadilan terhadap sahabat.

Bahagian Pengembaraan pula memperlihatkan kehebatan Hang Tuah sebagai laksamana Melaka yang dihantar ke pelbagai negeri seperti Majapahit, China dan India. Bahagian ini memperlihatkan keluasan hubungan diplomatik Melaka dan mengangkat martabat kerajaan Melayu sebagai kuasa yang disegani.

Struktur dua bahagian ini menunjukkan keseimbangan antara unsur kepahlawanan fizikal dan kebijaksanaan diplomatik, menjadikan Hang Tuah bukan sekadar pahlawan perang tetapi juga negarawan.

Karya ini boleh dibahagikan kepada beberapa tema dan persoalan yang ditonjolkan oleh pengarang. Antaranya ialah berkaitan dengan kesetiaan kepada raja, kepahlawanan dan keperwiraan, diplomasi dan hubungan antarabangsa, jati diri dan identiti bangsa.

#### a) Kesetiaan kepada Raja

Tema dan persoalan karya ini boleh ditonjolkan kepada beberapa perkara. Tema utama hikayat ini ialah kesetiaan yang mutlak kepada raja. Hang Tuah digambarkan sebagai pahlawan yang sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan daulat pemerintah. Prinsip ini selaras dengan konsep feodal Melayu yang meletakkan raja sebagai pusat kuasa dan simbol kedaulatan.

Namun, persoalan timbul apabila kesetiaan itu bertembung dengan keadilan. Peristiwa hukuman terhadap Hang Tuah tanpa usul periksa mencetuskan pemberontakan Hang Jebat. Konflik ini membuka ruang tafsiran dengan persoalan siapakah yang lebih benar antara Hang Tuah yang setia atau Hang Jebat yang menuntut keadilan?

#### b) Kepahlawanan dan Keperwiraan

Hikayat ini menonjolkan unsur kepahlawanan melalui keberanian, kekuatan fizikal dan kemahiran persilatan. Hang Tuah digambarkan hampir kebal dan sukar ditandingi. Unsur hiperbola digunakan untuk menegaskan keagungan watak utama.

#### c) Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa

Bahagian pengembaraan memaparkan kebijaksanaan Hang Tuah dalam menjalankan misi diplomatik. Beliau bukan sahaja cekap bertarung, malah mahir berbicara dan memahami adat resam negeri asing. Hal ini mencerminkan kehalusan budaya Melayu dalam mengurus hubungan antarabangsa.

#### d) Jati Diri dan Identiti Bangsa

Watak Hang Tuah menjadi lambang identiti Melayu tradisional. Ini merujuk kepada beberapa ciri-ciri iaitu berani, beradab, setia dan menjunjung adat. Hikayat ini memperlihatkan aspirasi masyarakat Melayu terhadap kepimpinan dan maruah bangsa.

Beberapa orang yang menjadi watak penting dalam menggerakkan plot karya ini. Antaranya ialah;

##### a) Hang Tuah

Hang Tuah digambarkan sebagai watak ideal iaitu seorang pahlawan, diplomat dan hamba raja yang setia. Namun, beliau juga merupakan watak yang kompleks. Kesetiaannya yang tidak berbelah bahagi yang kadangkala menimbulkan persoalan moral, terutamanya dalam peristiwa pertarungan dengan Hang Jebat.

##### b) Hang Jebat

Hang Jebat sering ditafsirkan sebagai simbol keadilan dan keberanian menentang kezaliman. Dalam tafsiran moden, ada yang melihat beliau sebagai wira rakyat yang mempertahankan sahabat dan menentang pemerintah yang zalim.

##### c) Sultan Melaka

Watak sultan menggambarkan kuasa mutlak dalam sistem feodal. Keputusan baginda menjadi penentu hidup mati rakyat. Gambaran ini menunjukkan struktur politik Melayu tradisional yang berasaskan konsep daulat dan derhaka.

Salah satu kekuatan utama *Hikayat Hang Tuah* terletak pada aspek gaya bahasa dan teknik penceritaannya yang mencerminkan ciri-ciri kesusasteraan Melayu klasik. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu klasik dengan pengaruh kuat bahasa istana, yang sarat dengan struktur ayat panjang, penggunaan partikel tradisional seperti “maka”, “hatta”, “syahadan”, serta susunan sintaksis yang berlapis. Gaya ini bukan sekadar bentuk linguistik, tetapi merupakan manifestasi sistem nilai dan hierarki sosial masyarakat feodal Melayu.

Pengulangan frasa dan struktur ayat merupakan salah satu ciri dominan dalam hikayat ini. Dari sudut stilistika, pengulangan berfungsi sebagai alat penegasan makna, pengukuhan emosi dan

pembinaan irama penceritaan. Teknik ini juga berkait dengan tradisi lisan yang menjadi asas perkembangan sastera Melayu tradisional. Dalam konteks budaya lisan, pengulangan membantu pendengar memahami dan mengingati isi cerita.

Pengulangan bukan sekadar retorik kosong, tetapi memperkukuh citra kepahlawanan Hang Tuah. Sebagai contoh, gambaran tentang keberanian atau kesetiaan beliau sering diulang dalam variasi struktur ayat yang berbeza. Strategi ini membentuk persepsi pembaca bahawa sifat-sifat tersebut merupakan inti pati watak utama dan nilai teras masyarakat Melayu ketika itu.

Unsur hiperbola atau pernyataan yang dilebih-lebihkan merupakan teknik penting dalam pembinaan watak epik. Hang Tuah digambarkan memiliki kekuatan luar biasa, kebal daripada senjata, dan mampu menewaskan musuh dalam jumlah yang ramai. Dari sudut teori sastera epik, hiperbola berfungsi untuk mengangkat watak utama ke tahap simbolik, menjadikannya lebih daripada sekadar manusia biasa.

Dalam konteks ini, hiperbola tidak harus dibaca secara literal, tetapi sebagai lambang keunggulan moral dan spiritual. Kekuatan fizikal Hang Tuah melambangkan kekuatan daulat dan legitimasi politik Kesultanan Melaka. Justeru, unsur ini memperlihatkan bagaimana teks sastera berfungsi sebagai alat ideologi untuk mengukuhkan struktur kekuasaan feodal.

*Hikayat Hang Tuah* turut memuatkan unsur mitos dan legenda, termasuk peristiwa-peristiwa luar biasa yang melampaui logik realiti sejarah. Kehadiran unsur mitos ini memperlihatkan bahawa hikayat bukanlah teks sejarah dalam pengertian moden, tetapi teks budaya yang memadukan fakta sejarah, imaginasi kolektif dan simbolisme.

Dari sudut antropologi sastera, mitos berfungsi untuk membentuk identiti kolektif sesuatu masyarakat. Dalam hikayat ini, mitos mengukuhkan citra Melaka sebagai pusat tamadun agung dan Hang Tuah sebagai lambang keunggulan bangsa Melayu. Elemen-elemen fantastik membantu mewujudkan aura sakral terhadap institusi raja dan konsep daulat, sekali gus memperkukuh kesetiaan rakyat terhadap pemerintah.

Dialog dalam hikayat ini sering berbentuk panjang dan retorik, khususnya dalam adegan istana atau perbahasan antara watak utama. Dialog sedemikian bukan sekadar alat komunikasi antara watak, tetapi medan pertembungan idea, nilai dan kuasa.

Dari sudut analisis wacana, dialog retorik mencerminkan struktur hierarki masyarakat feodal. Bahasa yang digunakan berbeza mengikut kedudukan sosial watak. Sultan menggunakan bahasa perintah yang mutlak, manakala pembesar dan hulubalang menggunakan bahasa yang sarat dengan unsur merendah diri dan penghormatan. Perbezaan ini menzahirkan stratifikasi sosial dalam teks dan menggambarkan bagaimana bahasa berfungsi sebagai instrumen kuasa.

Selain itu, dialog antara Hang Tuah dan Hang Jebat dalam episod perlawanan mereka memperlihatkan perdebatan falsafah tentang kesetiaan dan keadilan. Wacana ini membuka ruang tafsiran yang luas kepada pembaca moden dan menjadikan teks ini terus relevan dalam perbahasan intelektual.

Dari sudut struktur penceritaan, hikayat ini cenderung menggunakan naratif linear yang bergerak secara kronologi. Namun demikian, unsur suspens dibina melalui konflik dalaman

dan luaran watak utama. Penangguhan maklumat, kemunculan musuh secara tiba-tiba, serta pengkhianatan dalam kalangan istana memperkukuh ketegangan dramatik.

Teknik ini menunjukkan bahawa pengarang mempunyai kesedaran estetik dalam membina momentum cerita. Walaupun teks ini tergolong dalam sastra tradisional, ia memperlihatkan kematangan teknik naratif yang mampu mengekalkan minat pembaca.

Secara keseluruhannya, gaya bahasa dan teknik penceritaan dalam *Hikayat Hang Tuah* memperlihatkan gabungan antara estetika, ideologi dan fungsi sosial sastra tradisional. Bahasa bukan sekadar medium penyampaian cerita, tetapi wahana pembentukan makna, legitimasi kuasa dan pembinaan identiti budaya. Justeru, kekuatan estetik inilah yang menjadikan hikayat ini terus signifikan dalam wacana kesusasteraan Melayu hingga kini.

Keindahan bahasa Melayu klasik dalam hikayat ini terletak pada ketinggian diksi, penggunaan metafora tersirat dan keseimbangan struktur ayat yang panjang. Namun, ciri yang sama juga menjadi cabaran kepada pembaca moden yang kurang terdedah kepada bahasa klasik.

Walau bagaimanapun, dari sudut akademik, cabaran ini tidak harus dianggap sebagai kelemahan, sebaliknya sebagai bukti kekayaan tradisi intelektual Melayu. Teks ini memerlukan pembacaan yang teliti dan kontekstual bagi memahami makna tersirat di sebalik struktur bahasanya.

Sebagai sebuah karya epik Melayu klasik, *Hikayat Hang Tuah* bukan sekadar naratif kepahlawanan, tetapi teks yang sarat dengan nilai moral, sosial dan politik. Nilai-nilai ini mencerminkan pandangan hidup masyarakat Melayu tradisional serta struktur feodal yang mendasari sistem pemerintahan pada zaman Kesultanan Melaka. Dalam konteks akademik, nilai dan pengajaran yang terkandung dalam hikayat ini boleh dibaca sebagai representasi etika sosial dan falsafah politik Melayu.

Nilai kesetiaan merupakan teras utama hikayat ini. Watak Hang Tuah digambarkan sebagai hulubalang yang menzahirkan kesetiaan mutlak kepada raja, walaupun berdepan dengan situasi yang merugikan dirinya sendiri. Kesetiaan tersebut tidak hanya bersifat emosional, tetapi berkait rapat dengan konsep *daulat* dan *derhaka* dalam sistem feodal Melayu.

Kesetiaan Hang Tuah dapat dilihat sebagai bentuk tanggungjawab sosial terhadap kestabilan kerajaan. Dalam kerangka pemikiran masyarakat tradisional, kestabilan politik lebih utama daripada kepentingan individu. Justeru, tindakan Hang Tuah menentang Hang Jebat walaupun atas dasar persahabatan mencerminkan pengutamakan tanggungjawab terhadap negara berbanding hubungan peribadi.

Namun, dari sudut pembacaan moden, nilai kesetiaan ini turut membuka ruang perbahasan kritikal. Kesetiaan mutlak tanpa soal boleh membawa kepada penindasan sekiranya tidak diseimbangkan dengan prinsip keadilan. Oleh itu, hikayat ini bukan sahaja mengajarkan kesetiaan, tetapi secara tidak langsung mengajak pembaca menilai semula batas dan makna kesetiaan dalam konteks kepimpinan.

Keberanian merupakan nilai yang jelas ditonjolkan melalui watak Hang Tuah dan para sahabatnya. Keberanian dalam hikayat ini tidak terhad kepada keberanian fizikal di medan perang, tetapi juga keberanian moral dalam menghadapi ujian hidup, fitnah dan pengkhianatan.

Hang Tuah memperlihatkan ketabahan ketika dijatuhi hukuman tanpa usul periksa. Walaupun difitnah dan dibuang negeri, beliau tidak bangkit memberontak. Sikap ini mencerminkan konsep sabar dan redha yang sering dikaitkan dengan nilai tradisional Melayu dan pengaruh ajaran Islam dalam masyarakat.

Keberanian dan ketabahan ini memberi pengajaran bahawa kekuatan sejati bukan hanya terletak pada kekuatan fizikal, tetapi pada keupayaan mengawal emosi dan memelihara prinsip dalam keadaan tertekan. Dalam konteks pembinaan jati diri bangsa, nilai ini menjadi asas pembentukan karakter individu yang teguh dan berdisiplin.

Selain kekuatan fizikal, hikayat ini turut menonjolkan kepentingan ilmu dan kebijaksanaan. Hang Tuah bukan sekadar pahlawan yang mahir bersilat, tetapi juga seorang yang bijaksana, petah berbicara dan memahami adat resam negeri lain. Hal ini jelas dalam bahagian pengembaraan yang memperlihatkan peranan beliau sebagai utusan diplomatik.

Kebijaksanaan dalam hikayat ini merangkumi kebolehan menilai situasi, merancang strategi serta menjaga maruah negara ketika berhadapan dengan kuasa asing. Nilai ini menunjukkan bahawa kepahlawanan Melayu tradisional tidak bersifat semata-mata fizikal, tetapi turut berasaskan kecerdikan dan penguasaan ilmu.

Dalam konteks kontemporari, nilai ini boleh ditafsirkan sebagai kepentingan pendidikan dan kemahiran komunikasi dalam kepimpinan. Hikayat ini secara simbolik menegaskan bahawa kekuatan bangsa bergantung pada keseimbangan antara keberanian dan intelektualisme.

Bahagian pengembaraan memperlihatkan dengan jelas nilai adab dalam hubungan antarabangsa. Hang Tuah digambarkan sentiasa menjaga tutur kata, menghormati adat istiadat negeri lain dan mengutamakan kebijaksanaan dalam menyelesaikan konflik. Nilai ini mencerminkan prinsip kesopanan dan diplomasi yang menjadi identiti budaya Melayu.

Adab bukan sekadar etika peribadi, tetapi strategi politik yang berkesan. Dalam banyak episod, kejayaan misi Hang Tuah bukan hanya kerana kekuatan senjata, tetapi kerana kebolehan beliau menyesuaikan diri dengan budaya setempat dan menggunakan bahasa yang santun.

Nilai ini memberi pengajaran bahawa hubungan antara negara atau kelompok masyarakat memerlukan kebijaksanaan, kesantunan dan penghormatan terhadap perbezaan budaya. Dalam dunia global hari ini, prinsip diplomasi berasaskan adab dan hormat-menghormati kekal relevan.

Secara keseluruhannya, nilai dan pengajaran dalam *Hikayat Hang Tuah* memperlihatkan integrasi antara etika individu dan tanggungjawab sosial. Nilai kesetiaan, keberanian, kebijaksanaan dan adab membentuk kerangka moral masyarakat Melayu tradisional. Walaupun lahir dalam konteks feodal, nilai-nilai tersebut masih boleh ditafsirkan semula agar sesuai dengan realiti moden.

Dengan demikian, hikayat ini bukan sekadar teks warisan, tetapi sumber refleksi etika dan identiti budaya yang terus signifikan dalam perbincangan akademik dan pembinaan jati diri bangsa.

Namun, hikayat ini juga mengajak pembaca menilai semula konsep kesetiaan mutlak. Dalam konteks moden, nilai kesetiaan perlu diseimbangkan dengan prinsip keadilan dan integriti.

Salah satu kekuatan utama karya ini ialah keupayaannya dalam mengangkat sejarah serta identiti Melayu secara jelas dan bermakna. Karya ini bukan sahaja berfungsi sebagai bahan hiburan, malah turut menjadi wadah penting dalam memelihara warisan sejarah, khususnya berkaitan sistem pemerintahan, adat istiadat, serta hubungan diplomatik masyarakat Melayu tradisional. Hal ini menjadikan karya tersebut bernilai sebagai sumber rujukan budaya dan jati diri bangsa.

Selain itu, karya ini kaya dengan nilai budaya dan falsafah tradisional. Pelbagai nilai seperti kesetiaan, keberanian, ketaatan kepada raja, serta kebijaksanaan dalam membuat keputusan disampaikan melalui watak dan peristiwa yang digarap. Nilai-nilai ini mencerminkan pandangan hidup masyarakat Melayu lama yang berteraskan adat dan norma sosial, sekali gus memberi pengajaran kepada pembaca.

Dari sudut penceritaan, struktur naratif karya ini juga bersifat dramatik dan menarik. Penggunaan konflik, pengembaraan, serta elemen kejutan menjadikan jalan cerita lebih hidup dan mampu menarik minat pembaca. Teknik penceritaan yang berlapis-lapis dan kadangkala bersifat episodik turut menambahkan daya tarikan serta keunikan karya tersebut.

Walau bagaimanapun, karya ini tidak terlepas daripada beberapa kelemahan. Antaranya ialah unsur mitos yang tinggi sehingga boleh mengaburkan fakta sejarah. Kehadiran elemen luar biasa seperti kesaktian, keajaiban, dan kejadian yang tidak logik menyebabkan sukar untuk membezakan antara fakta sejarah dan rekaan sastera. Ini boleh menimbulkan kekeliruan. Atas faktor itu, karya ini tidak sesuai untuk dijadikan sebagai sumber sejarah yang sah.

Selain itu, watak utama sering digambarkan terlalu ideal dan hampir sempurna. Ciri-ciri seperti keberanian luar biasa, kesetiaan tanpa berbelah bahagi, serta kebijaksanaan yang tinggi menjadikan watak tersebut kurang realistik. Kekurangan konflik dalaman atau kelemahan peribadi menyebabkan watak tidak berkembang secara mendalam seperti dalam karya moden.

Akhir sekali, karya ini juga memperlihatkan sudut pandang feodal yang kuat. Penekanan kepada ketaatan mutlak kepada raja serta penerimaan terhadap struktur hierarki sosial tanpa soal mungkin tidak lagi selari dengan pemikiran kontemporari yang lebih menekankan aspek keadilan, hak individu, dan kebebasan bersuara. Oleh itu, pembacaan karya ini perlu disertai dengan pemahaman konteks zaman agar tidak disalah tafsir.

Secara keseluruhannya, *Hikayat Hang Tuah* merupakan karya agung yang mencerminkan kebesaran tamadun Melayu tradisional. Ia bukan sekadar cerita kepahlawanan, tetapi sebuah teks yang sarat dengan falsafah politik, nilai sosial dan identiti budaya.

Walaupun wujud perdebatan tentang makna sebenar kesetiaan dan keadilan dalam hikayat ini, perbincangan tersebut membuktikan bahawa karya ini terus relevan dan hidup dalam wacana intelektual masyarakat Melayu. Hikayat ini harus terus dikaji dan difahami sebagai sebahagian daripada warisan intelektual bangsa.

**Ayu Nor Azilah Mohamad**

**Zahanim Ahmad**

Universiti Islam Selangor

**Wayu Nor Asikin Mohamad**

College University Bestari